



22 Ogos 2013
22 August 2013
P.U. (A) 266

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PENEPIAN FI KEPADA PELATIH DI PUSAT BERTAULIAH) 2013

NATIONAL SKILLS DEVELOPMENT (WAIVER OF FEE TO TRAINEE AT ACCREDITED CENTRE) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN
(PENEPIAN FI KEPADA PELATIH DI PUSAT BERTAULIAH) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(d) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Penepian Fi kepada Pelatih di Pusat Bertauliah) 2013**.

Penepian fi

2. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), fi yang ditetapkan dalam butiran 3(a)(i) Jadual kepada Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2006 [*P.U. (A) 409/2006*] diketepikan berkenaan dengan seseorang pelatih yang memohon Sijil Kemahiran Malaysia melalui pusat bertauliah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual.

(2) Penepian fi di bawah subperaturan (1) terpakai bagi Sijil Kemahiran Malaysia berhubung dengan latihan kemahiran yang telah bermula atau bermula pada mana-mana tarikh dalam tempoh tiga tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

Pembayaran balik fi

3. (1) Pelatih yang disebut dalam peraturan 2 yang telah membayar fi yang ditetapkan dalam butiran 3(a)(i) Jadual kepada Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2006 boleh memohon kepada Ketua Pengarah bagi pembayaran balik fi itu.